

**Kehebatan Silat Tongkat : Asal Usul dan 26 pergerakan dalam  
Silat Tongkat**

Muhammad Loqman Bin Mohd Zuki  
Muhammad Suhaimi Bin Md Izah  
Jafalizan Md. Jali  
Siti Noorsiah Jamaludin

**Fakulti Pengurusan Maklumat  
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana**  
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor.

**ABSTRAK**

*Seni pertahankan diri iaitu silat merupakan warisan budaya dalam kalangan masyarakat Melayu pada zaman dahulu hingga sekarang. Seni mempertahankan diri ini diturunkan dari berabad yang terdahulu bagi memelihara warisan, identiti dan jati diri Orang Melayu dan seni ini juga diturunkan ilmunya turun temurun kepada generasi pada zaman sekarang agar tidak dilupakan selari dengan kemajuan negara yang semakin kembang pesat dari masa ke semasa. Kajian ini bertujuan untuk memperkenalkan memperkenalkan sejarah asal usul silat tongkat yang ramai tidak tahu kewujudannya serta pergerakan-pergerakan yang ada di dalam silat tongkat. Menerusi kajian ini, terdapat 26 pergerakan yang ada di dalam silat tongkat ini dan juga terbongkarnya rahsia asal usul semua silat yang ada di negara ini datangnya daripada Pattani, Thailand. Teknik dari setiap pergerakan yang dijelaskan dengan terperinci membantu memberi pengetahuan dan pemahaman bahawa silat ini tidak boleh dilupakan dan harus diwarisi oleh orang-orang muda zaman sekarang yang masih bertenaga di samping silat ini juga mampu digunakan serta diamalkan untuk mempertahankan diri jika berlaku sebarang masalah atau dalam keadaan bahaya.*

**Kata kunci:** silat tongkat, seni pertahankan diri, Gerakan, asal-usul, warisan

**ABSTRACT**

*Martial arts which are silat was a cultural heritage that is among the Malay community in the ancient times to the present. This martial art derived from centuries past to preserve the heritage, identity and self-esteem of the Malays and art has also lowered their knowledge from generation to generation today so as not to be forgotten in parallel with progress in the country's rapid development from time to time. This study aims to introduce the history of the origin of silat tongkat that many do not know its existence as well as the movements that exist in silat tongkat. Through this study, there are 26 movements in this silat tongkat and to reveal the secret origin of all silat in this country comes from Pattani, Thailand. Techniques from each movement explained in detail help to give knowledge and understanding that these martial arts should not be forgotten and should be inherited by today's young people who are still energetic in addition to these martial arts can also be used and practiced defending themselves if any problems happen or in a dangerous situation.*

**Keywords:** silat tongkat, martial arts, movements, origin, heritage

**PENGENALAN**

Silat sebagai seni bela diri yang merupakan pengetahuan yang sangat penting. Silat tidak terbatas, baik dalam melakukan serangan, maupun tangkisan. Dari kepala, bahu, siku, lengan, tapak tangan, jari tangan, punggung, pinggang, pinggul, paha, lutut, tulang kering, mata kaki, tumit, jari kaki semuanya mendapat jatah latihan secara khusus. Dari ujung kepala sampai dengan ujung kaki dapat digunakan sebagai senjata terdekat dan ampuh. Menurut para ahli, air liur dan rambut pun boleh dipakai sebagai alat bela diri yang efektif. Menurut Dr Izham Nayan (2017), silat adalah satu seni bela diri Nusantara Melayu yang terkenal di seluruh dunia. Dr Izham Nayan (2017) dalam hasil karya beliau mengatakan lagi, silat juga standing dan mungkin lebih hebat dari seni bela diri seperti muay thai, karate, wushu, silamban dan seni bela diri yang lain. Silat juga pernah berfungsi dan berperanan sebagai angkatan pertahanan negara sejak kerajaan Melayu Langkasuka, Gangga Negara, Champa, Kemboja, Fatani, Beruas,

Minangkabau, Srivijaya, Majapahit, Melaka dan lain-lain negeri di dalam Kepulauan Melayu Nusantara. Pernyataan ini juga disokong oleh Bilal Syahid (2020) yang mengatakan pencak silat atau silat juga merupakan seni olahraga bela diri yang berasal dari Asia Tenggara iaitu Indonesia, Brunei Darusaalam, Singapura, Filipina dan Thailand.

Menurut Nazri Abu Bakar (2017), silat tongkat ialah permainan menggunakan tongkat sebagai memenuhi misi mempertahankan diri jika diserang musuh atau haiwan liar. Nazri Abu Bakar (2017) dalam karya hasil beliau mengatakan lagi, selain tongkat sebagai pelindung, pesilat, ianya juga boleh menggunakan alat lain termasuk kayu, ranting dan kain pelekat sebagai pengganti tongkat jika berlaku kejadian mengejut. Terdapat lebih 100 nama-nama silat di Malaysia. Antaranya ialah silat cekak Hanafi, silat gayung, silat cekak harimau, silat bunga wali dan lain-lain lagi.

### **PERMASALAHAN KAJIAN**

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk meninjau unsur utama yang mempengaruhi perubahan struktur penyesuaian ilmu dan amalan silat sebagai landasan dalam proses pembentukan sosial dan pembudayaan nilai jati diri masyarakat melayu di semenanjung. Kajian ini akan dilakukan dengan menilai perubahan peranan dan fungsi silat sebagai pendokong budaya dan jati diri serta asas interaksi sosial masyarakat melayu dalam konteks masyarakat Malaysia moden. Secara keseluruhannya, kajian ini menerangkan perubahan ketara kearah modernisasi dari semasa ke semasa telah mengurangkan pengetahuan tentang bidang seni silat di dalam diri anak muda pada zaman sekarang.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian merupakan aspek penting yang perlu ada bagi melakukan sesuatu kajian yang menjadi penanda bagi seseorang penulis itu menyiapkan sesuatu tugas mengikut objektif yang telah ditetapkan. Di dalam kajian serta penulisan artikel ini terdapat tiga objektif yang hendak dikaji iaitu yang pertama ialah untuk mengkaji sejarah silat tongkat di Kampung Permatang Sungkai di negeri Kelantan. Yang kedua adalah untuk mengenal

pasti ciri-ciri yang ada di dalam seni silat tongkat di Kampung Permatang Sungkai di negeri Kelantan dan yang ketiga adalah untuk mengetahui teknik-teknik gerakan di dalam seni silat tongkat di Kampung Permatang Sungkai di negeri Kelantan.

### **PERSOALAN KAJIAN**

Persoalan kajian ini dilakukan untuk mengetahui siapakah guru silat tongkat di Kampung Permatang Sungkai, Kelantan dan juga latar belakang beliau. Hal ini kerana beliau merupakan tokoh yang hebat dalam bidang persilatan di kampung Permatang Sungkai, Kelantan. Kajian ini juga adalah untuk mengenalpasti dari manakah asal usul silat tongkat di Kampung Permatang Sungkai di negeri Kelantan. Selain itu, ianya bertujuan untuk mengetahui apakah ciri-ciri yang ada di dalam seni silat tongkat di Kampung Permatang Sungkai di negeri Kelantan serta melalui kajian ini, pengkaji akan meneliti berapakah Teknik-teknik Gerakan di dalam seni silat tongkat di Kampung Permatang Sungkai di negeri Kelantan.

### **KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN**

Pada masa kini, kajian mengenai ilmu bidang persilatan yang semakin menghilang yang disebabkan oleh perubahan negara dari pelbagai sektor yang semakin moden yang menyebabkan generasi muda beranggapan bahawa seni silat tidak penting untuk mereka. Kajian ini sangat penting dan bermakna kerana penyelidikan seumpamanya belum begitu meluas dan boleh dikatakan tiada. Pengkaji mengambil inisiatif untuk membuat kajian secara serius dan lebih mendalam.

Antara kepentingan silat kepada masyarakat ialah untuk mempertahankan diri, maruah agama, bangsa dan tanah air serta memelihara kesihatan dan kesegaran jasmani. Silat ini boleh diamalkan bagi semua peringkat umur sama ada remaja, dewasa ataupun golongan emas untuk kepentingan mempertahankan diri, memelihara kesihatan dan sebagainya.

Selain itu, kepentingan silat kepada masyarakat dan individu setempat ialah menambah ilmu pengetahuan mengenai silat. Ilmu mengenai silat

memang jarang sekali dipelajari oleh masyarakat kerana dianggap ketinggalan zaman dan generasi muda juga tidak mengenali ilmu silat ini. Ilmu silat ini mesti diketengahkan atau diutamakan untuk dipelajari kerana tidak ramai lagi penggiat seni silat yang mahir dalam seni ini supaya tidak pupus ditelan zaman.

Seterusnya, kepentingan silat kepada masyarakat dan individu setempat ialah silat baik untuk tujuan kesihatan. Mempelajari seni silat ialah merupakan senaman yang melibatkan banyak pergerakan badan. Senaman ini akan menyebabkan kita banyak berpeluh dan dapat mengeluarkan toksin dalam badan kita.

Akhir sekali, kepentingan silat kepada masyarakat dan individu setempat ialah silat dapat membentuk jati diri dan pemupukan serta minat yang mendalam dalam dunia silat. Silat dapat menjadikan kita seseorang yang lebih berani dan berkeyakinan tinggi serta dapat memupuk minat kita dalam silat kerana terdapat banyak keunikan dalam dunia silat seperti pantang-larang, jurus-jurus silat, adab sesama guru dan murid dan banyak lagi.

## **TINJAUAN LITERATUR**

Tinjauan literatur merupakan penulisan yang kritikal dan analitikal tentang penulisan ilmiah yang telah diterbitkan oleh sarjana dan penyelidik atau pengkaji tentang topik yang dikaji. Secara amnya terdapat banyak kajian seperti thesis, kerja kursus, blog berkaitan ilmu seni mempertahankan diri iaitu silat di Malaysia ini. Antaranya seperti Malaysian Citation Centre. (n.d.). Penulis ini menceritakan dengan lebih terperinci maksud silat iaitu maksud silat selalu disalah tafsir mengikut pemahaman dan falsafah sesebuah perguruan silat, termasuk dari segi aspek tempur dan juga kajian mengenai silat selalu dikaitkan dengan seni dan ilmu mistik. Selain itu, journal dari Wan Hasbullah, W. (2018). menceritakan tentang konsep tempur seni gayong dan inovasi silat melayu di mana penulis menceritakan maksud silat, sejarah silat seperti jatuh bangun ilmu tempur orang melayu, serta penceritaan ilmu seni silat gayung berdasarkan pemahaman dari maklumat yang diperoleh dari tokoh yang dikaji.

## **METODOLOGI**

Metodologi ialah kaedah yang digunakan oleh penyelidik untuk melakukan penyelidikan. Menurut (Ustaz Kenali, 2013), metodologi ialah kaedah dan teknik mereka bentuk, mengumpul dan menganalisis data untuk mendapatkan bukti untuk menyokong atau menguatkan sesuatu kajian. Dalam sesi ini, penyelidik menggunakan kaedah temu bual untuk menemu bual tokoh yang dipilih berdasarkan topik yang sudah dipilih oleh kumpulan masing-masing. Teknik temu bual yang digunakan adalah secara bersemuka atau menggunakan platform atas talian untuk menemu bual tokoh. Kedua-dua teknik temu bual diperuntukkan kepada pelajar untuk merekod dan merakam video serta audio untuk menjadi bukti pelajar tersebut melakukan temubual. Temu bual secara bersemuka adalah pelajar tersebut bertemu langsung dengan tokoh untuk menemu bual beliau manakala temu bual secara platform atas talian adalah pelajar tersebut menggunakan platform atas talian seperti Google Meet, Zoom, Skype dan platform atas talian lain untuk menemubual tokoh.

## **HASIL KAJIAN**

### **Latar belakang ringkas tokoh yang ditemu bual**

Nama sebenar beliau ialah Musa Bin Syed Dollah. Nama panggilan di kampung beliau ialah Pok Su Musa. Beliau merupakan anak bongsu daripada tiga belas adik beradik. Beliau tinggal Kampung Permatang Sungkai, Pasir Puteh, Kelantan. Beliau berusia lapan puluh tahun. Beliau lahir di Kampung Bendang, Tumpat, Kelantan. Beliau mempunyai dua orang isteri dan sekarang beliau sekarang tinggal bersama dengan isteri kedua beliau dan seorang anak beliau yang berusia dua puluh tiga tahun. Nama isteri pertama beliau ialah Rahimah Binti Haji Ahmad dan dikurniakan lapan orang anak bersama isteri pertama beliau. Beliau adalah seorang petani sehingga sekarang. Beliau pergi ke Thailand pada umur sepuluh tahun dan balik ke Kelantan pada umur empat belas tahun. Beliau belajar silat tongkat ini di Pattani, Thailand. Beliau mempunyai seratus lebih anak murid yang beliau telah turunkan ilmu silat tongkat ini. Antara negeri yang beliau telah mengajar adalah Pahang, Gua Musang, Tumpat, Peringat dan Terengganu.

**Jenis mainan yang dipelajari dan diajar oleh tokoh**

Antara jenis permainan yang dipelajari dan diajar oleh tokoh ialah yang pertama silat tongkat, yang kedua, tari inai, yang ketiga silat tari. Tari inai ini kepala harus meliuk sampai ke belakang, bukan dari hadapan tetapi meliuk kebelakang, beliau berkata, ramai yang tidak boleh dan mahir melakukan tari inai itu. Selepas tari inai ialah melakukan langkah sembah. Langkah sembah merupakan persembahan yang dimulakan dengan langkah sembah tanpa pertempuran sambil diiringi bunyian serunai, gendang dan gong sebagai penyeri majlis. Beliau juga mempunyai ilmu dalam pelbagai bidang. Antaranya ialah beliau boleh silat di tempat orang sakit, boleh berubat orang sakit, serta pelbagai silat. Orang sakit pun boleh, silat, bomoh dan lain-lain lagi. Terdapat dua bacaan yang digunakan di dalam silat tongkat bagi melindungi diri dari bahaya sebelum memulakan permainan. Yang pertama ialah Hang Jebat, Hang Tuah, Hang Lekir, Kasturi, Kalima dan yang kedua ialah Bismillah salasa selisih selimun selihin yang membawa maksud memagar diri kita daripada terkena apa-apa.

**Asal usul silat tongkat**

Asal usul Silat Tongkat ini bermula apabila anak murid tipu dia, tipu tok guru, dia letak bantal peluk, selepas itu, dia selimut satu badannya, kaki tidak nampak kepala tidak nampak, selepas itu, malam esok tu, tok guru naik duduk mengajar pada malam itu dia bertanya, ‘afik mana, tidur tok guru’, selimut satu badan nyamuk banyak. Tok guru cakap ‘tidak perlu sembunyi daripada tok guru la’, tok guru tahu dia kata. selepas itu, keluar yang dalam bilik itu yang sikapnya yang lurus, dia berkata ‘tak payah la, nak tengok mainan, gaduh, kau buat depan bangsal/pondok itu. Selepas itu, cari tok guru untuk mengajar.nak apa. Nak silat, nak tongkat, silat tari, boleh. Dia pun sepakat tebang pinang, yang kena cari atap, tebang batang pinang buat bangsal. Bangsal nak buat tempat silat. Mana? (loqman mencelah) Pattani. Sudah siap bangsal ni, bila nak cari tok guru nak mengajar ni. Dia kata kira-kira hari yang elok la. Kira-kira dua hari bulan tu jatuh pada hari ahad dua hari bulan mana tok guru, orr duduk betul-betul la dulu, tok guru nak baca-baca dulu. Saya pun usaha minta doa drpd Allah S.W.T nak mengajar anak murid. Mengajar - mengajar dan selepas

empat puluh lima (45) hari dia prima. Prima ni tamat pelajaran la. Nak prima tu, sembelih sepakat seekor-seekor seorang. Gali lubang luas, selepas itu, potong tengkuk ayam, lepas ayam yang disembelih ke dalam lubang. Jatuh dalam tu, prima ini boleh ahli pada arwah Tok Janggut. Tok Janggut ini anak murid tok sehol dulu. Keluar di Pattani semua. Semua permainan, dikir ke, apa-apa pun semua daripada Pattani. Selepas itu, apabila] dia dah kuat, Tok Janggut ini menentang kerajaan, orang putih dulu, dia berperang, dia tidak boleh duduk kampung, disebabnya kerajaan mahu membunuh Tok Janggut. Dia bertapa di gua, di mana gua yang selamat, dia pergi bersembunyi di gua. Di mana tempat yang selamat, dia bersembunyi di situ. Selepas hilang nya dia di mana dia sudah tua, dia menurunkan ilmunya kepada Mat Kilau. Selepas itu, Mat Kilau turunkan ilmu tersebut pada anak-anak murid dia semua, tempat pok su ni boleh semua tetapi pok su musa ini boleh dari Pattani lagi. Terdapat 26 jenis pergerakan atau ianya disebut buat di dalam silat tongkat:

1. Terung
2. Teibei
3. Paro
4. Nyelei
5. Butir
6. Pusing butir
7. Langkah sembah
8. Sepeilei
9. Muay
10. Emboh
11. Kepi
12. Pedang
13. Lawan ayam
14. Teri
15. Pelepah
16. Pereboh
17. Numbuk
18. Nyeipak
19. Lankah ponen
20. Kuba bertanduk

## **KESIMPULAN**

Seni warisan mempunyai pelbagai jenis seperti bangunan, seni budaya dan sebagainya khususnya silat. Untuk mencari maklumat yang sahih mengenai kepelbagaian seni warisan, kita haruslah melakukan sesi temu bual kerana maklumat yang kita ingin dapatkan adalah daripada sumber pertama atau primer iaitu dengan menemu bual tokoh yang terlibat dalam bidang tersebut khususnya silat. Semua maklumat ini akan ditranskripkan dengan menggunakan hasil daripada rakaman video dan audio tokoh bagi tujuan pembelajaran dan penyelidikan kepada generasi muda di masa hadapan. Silat juga penting bagi para remaja yang sedang mengalami perubahan jasmani dan rohani yang pesat, bahkan bagi semua golongan usia termasuk orang-orang tua, ilmu silat ini mendatangkan banyak manfaat yang besar, untuk mempertahankan diri, maruah agama, bangsa dan tanah air serta memelihara kesihatan dan kesegaran jasmani. Demikian pula dalam penggunaan dan penerapannya, silat tidak selalu digunakan untuk menjaga diri dalam suatu perkelahian, karena di zaman sekarang tidak semua orang suka berkelahi. Akan tetapi silat berguna pula untuk hal-hal yang berhubungan dengan kehidupan kita sehari-hari di rumah.

## **RUJUKAN**

- Bakar, N. (2017, July 16). Kembalikan kegemilangan silat tongkat gayungman Gerak Satu. Retrieved January 13, 2021, from  
<https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/1303/2017/07/283001/kem-balikan-kegemilangan-silat-tongkat-gayungman-gerak-satu>
- Malaysian Citation Centre. (n.d.). Retrieved November 08, 2020, from  
<http://www.myjurnal.my/public/article-view.php?id=134705>.
- Nayan, D. (1970, January 01). Sejarah Silat Dan Manfaatnya. Retrieved January 13, 2021, From  
<http://izhamnayan.blogspot.com/2017/02/sejarah-silat-dan-manfaatnya.html>
- Syahid, B. (n.d.).Pencak Silat . Retrieved January 13, 2021, from  
<https://www.gurupendidikan.co.id/pencak-silat/>
- Wan Hasbullah, W. (2018). Meor Abdul Rahman: Konsep Tempur Seni Gayong Dan Inovasi Silat Melayu. Retrieved November 8, 2020, from file:///C:/Users/User/Downloads/15373-1309-30375-1-10-20181223.pdf

Ying, C. L. (1970, January 01). Manfaat Mempelajari Seni Silat... Retrieved January 13, 2021, from <http://budaya21.blogspot.com/2010/08/manfaat-mempelajari-seni-silat.html>